

Inisiatif TH diberikan khusus kepada jemaah haji yang paling memerlukan-

Bantuan haji bersasar diteruskan

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

KUALA LUMPUR —Lembaga Tabung Haji (TH) akan meneruskan bantuan kewangan haji secara bersasar bagi musim haji 2024.

Menyatakan di Dewan Rakyat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd Na'im Mokhtar berkata, TH juga meneruskan inisiatif bantuan kewangan bersasar itu dari tahun ke tahun, khusus kepada golongan paling memerlukan selaras hasrat kerajaan menstruktur semula subsidi secara bersasar.

"TH akan meneruskan Bantuan Kewangan Haji bagi membantu jemaah haji Muassasah yang menuaikan haji buat pertama kali dan kurang pendapatan untuk mencukupkan perbelanjaan tunai haji mereka."

"Ini bersesuaian dengan peranan TH mentadbir semua urusan berkaitan pengendalian dan kebajikan jemaah haji Malaysia."

"TH juga sudah dan sentiasa berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat melalui media, media sosial dan sesi libat urus mengenai kepentingan konsep kemampuan atau *istito'ah*," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Jamaludin Yahya (PN - Pasir Salak) berkeraan bantuan kewangan



DEWAN RAKYAT

kos bayaran haji secara bersasar bagi kategori B40, M40 dan T20 seperti yang dilaksanakan pada musim haji tahun ini akan diteruskan pada tahun hadapan.

Tambahnya, pada musim haji tahun lalu, seramai 67 jemaah B40 dan M40 menolak bantuan kewangan haji yang layak diperoleh mereka, sebaliknya membayar kos penuh haji kerana berpegang kepada syarat *istito'ah* atau kemampuan dalam kewajipan menuaikan ibadah itu.

"Seramai 396 jemaah B40 dan M40 pula mengambil inisiatif mengurangkan kebergantungan mereka terhadap bantuan kewangan haji dengan membuat pembayaran tambahan antara RM1,000 hingga RM12,000, berbanding bayaran haji minima yang dikenakan," katanya.

Pada musim haji lepas, 1444H/2023M, pecahan peratusan jemaah haji yang terpilih ke Tanah Suci yang memilih secara Muassasah bagi kategori kumpulan B40 dan M40 masing-masing



MOHD. NA'IM menjawab soalan di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur semalam. — JABATAN PENERANGAN

adalah 45.7 peratus dan 52.3 peratus, manakala hanya dua peratus terdiri daripada jemaah kumpulan T20.

Mengulas lanjut, Mohd. Na'im berkata, Bantuan Kewangan Haji dan agihan keuntungan sebagai pulangan kepada pendeposit mempunyai hubungan bertenagangan.

"Agihan keuntungan tertakluk kepada pendapatan, pulangan pelaburan serta kedudukan ekonomi semasa. Apabila perbelanjaan disalurkan untuk Bantuan Kewangan Haji dapat

dikurangkan, maka kos operasi akan menurun dan hasil daripada pelaburan untuk diagihkan kepada pendeposit meningkat," katanya.

Menjawab soalan tambahan Jamaludin, Mohd Na'im berkata, peningkatan kos haji masa kini terdedah kepada faktor di luar kawalan TH, termasuk kadar inflasi dan percuakan di Arab Saudi serta kadar tukaran mata wang ringgit berbanding Saudi Riyal dan dolar Amerika Syarikat (AS).

Selain itu, katanya, projek pembesaran yang berterusan di

Mekah dan Madinah menyebabkan banyak penginapan jemaah haji dirobohkan dan memberi tekanan kepada pasaran harga sewaan.

"TH sudah berusaha mengawal peningkatan ini dengan memeterai beberapa perjanjian kontrak jangka panjang untuk penerbangan, penginapan, sajian makan dan beberapa perkhidmatan di Arab Saudi."

"Menerusi langkah ini, harga dapat ditetapkan untuk satu tempoh masa dan tidak dinaikkan setiap tahun," katanya.